

Karnival TVET Melaka meriah!

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Lebih 900 peluang pekerjaan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ditawarkan pada Karnival Pendidikan dan Kerjaya TVET Melaka 2023.

Pengerusi Majlis TVET negeri, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, karnival yang berlangsung pada 25 dan 26 November lalu bertempat di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dihadiri lebih 10,000 pengunjung.

Katanya, menerusi karnival terbabit pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang karnival itu berlangsung yang memberi manfaat kepada para pengunjung dan juga pempamer.

"Pada karnival dua hari ini lebih 900 peluang pekerjaan dalam bidang TVET ditawarkan dan itu antara tarikan utama pengunjung selain terdapat penawaran

terus kemasukan ke Institusi TVET kepada belia berkecayaan.

"Ekosistem TVET Negeri Melaka juga akan sentiasa ditambah baik 360 darjah dan dilestari dengan tuntas dan mantap bagi menjadikan Negeri Melaka sebagai hab kemahiran dan pendidikan.

"Kita juga mahu menjadi negeri yang membangunkan modal insan berkecayaan tinggi, menepati keperluan industri dalam program TVET," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup Karnival Pendidikan dan Kerjaya TVET Negeri Melaka 2023 di MITC, di sini, pada Ahad, yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh (tengah) melancarkan gimik perasmian pada Majlis Penutup Karnival Pendidikan dan Kerjaya TVET Melaka 2023 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh. Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari (dua dari kiri); Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin (dua dari kanan); Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan (kanan) dan Pengerusi Majlis TVET negeri, Datuk Khaidhirah Abu Zahar (kiri). Foto: MR. AZLI

Bencana negeri, Datuk Rais Yasin dan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan.

Mengulas lanjut, Khaidhirah yang juga Timbalan

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri berkata, TVET merupakan agenda nasional yang perlu ditadbir dengan penuh integriti.

"Mendukung aspirasi

Majlis TVET Negara (MTVET) dalam memperkasakan TVET Negara seiring dengan era Revolusi Perindustrian Ke-4 yang menjurus kepada kemahiran teknologi robotik dan

kecerdasan buatan (AI), penjenamaan dan reputasi TVET perlu dipertingkatkan dan ini memerlukan usaha lebih jitu bagi mengukukannya secara holistik," katanya.